

# UMS rai Hari Perhutanan Sedunia

## Khabil Kiram

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan Hari Perhutanan Sedunia, pada Khamis, dengan menanam pokok kapur paji di kawasan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa universiti itu.

Satu sumber utama bagi ekonomi Sabah pada 80-an, pokok kapur paji ini (*dryobalanops lanceolata*) tumbuh setempat di Borneo dan diklasifikasi sebagai terancam oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN).

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menggambarkan keputusan sekolah untuk menamakan pokok kapur paji sebagai pokok rasminya sebagai "satu langkah berani bagi kempen pemuliharaan alam sekitar."

"Pokok kapur paji mencorakkan komuniti pokok di hutan hujan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Sabah pada awal 80-an apabila Sabah

mengeksport balak dijadikan bahan pembinaan kepada Jepun dan Eropah.

"Bagaimanapun, buat masa ini, pokok kapur paji semakin kurang dan kesedaran tentang kepentingan pokok ini sebagai satu nilai ekonomi dan fungsi dalam ekosistem mendorong sekolah itu untuk memilih pokok kapur paji," kata Harun.

Ucapannya pada Hari Perhutanan Sedunia di UMS, bertajuk 'Hutan Kita, Masa Depan Kita', disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor UMS Prof Dr Shahril Yusof.

Harun juga berkata usaha penyimpanan dan penyerapan karbon sekolah itu adalah selaras dengan matlamat Malaysia untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksidanya kepada 40 peratus menjelang 2020.

Mengikut Bangsa-Bangsa Bersatu, pengeluaran karbon Malaysia adalah sebanyak 187 juta tan atau 7.2 tan daripada setiap penduduk Malaysia pada 2006.

Kegiatan Hari Perhutanan



**SHAHRIL** ketika menanam pokok kapur paji di UMS.

Sedunia yang lain termasuk satu Pertandingan Inovasi Eko-Kampus, satu pameran dan pertandingan mewarna bagi pelajar sekolah rendah.

Hari Perhutanan Sedunia

diraikan di seluruh dunia pada 21 Mac. Perayaan rasmi acara ini di Malaysia diadakan pada hari yang sama di Universiti Malaysia Pahang dengan tema "Hutan untuk Keharmonian Masyarakat".